



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: +603-60332020 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

FAMA BUKA RUANG JUALAN TERUS: RAKYAT SABAH JIMAT 10-30% DI JAM MEGA 2026

KOTA KINABALU, 9 MEI 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menganjurkan Program Jualan Agro MADANI Mega Negeri Sabah pada 9 hingga 10 Mei 2026 bertempat di Lintasan Deasoka, Kota Kinabalu.

Program yang berlangsung dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 malam ini merupakan inisiatif berimpak tinggi kerajaan dalam membantu rakyat mendapatkan bekalan makanan segar pada harga berpatutan, di samping memperkukuh ekosistem pemasaran hasil agromakanan negara.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Turut hadir, YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin Bin Samitah, JP, Mayor (Datuk Bandar) Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, YBhg. Datuk Jumain Jikah Abdul Ghani, Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI), YBrs. Tuan Haji Aminuddin Bin Zulkipli, Pengerusi FAMA serta ketua-ketua jabatan dan agensi yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa penganjuran Jualan Agro MADANI merupakan antara langkah strategik kerajaan dalam menangani tekanan kos sara hidup rakyat secara langsung.

“Program seperti ini bukan sekadar jualan, tetapi satu inisiatif berfokus kerajaan untuk memastikan rakyat mendapat akses kepada bekalan makanan pada harga berpatutan. Pada masa sama, ia membuka ruang pasaran lebih luas kepada usahawan tempatan untuk meningkatkan pendapatan mereka,” katanya.

Beliau turut menambah bahawa pendekatan jualan terus daripada pengeluar kepada pengguna mampu mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah serta menstabilkan harga pasaran.

“Kita mahu memastikan rantaian bekalan agromakanan menjadi lebih cekap, telus dan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak – pengguna dan pengeluar,” jelas beliau lagi.

Sepanjang dua hari penganjuran, seramai 71 usahawan tempatan terlibat dengan 71 lot jualan merangkumi kluster agro makanan, Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT), empayar makanan serta pameran agensi dan teknologi. Program ini menyasarkan kehadiran 10,000 pengunjung, nilai jualan sebanyak RM500,000 dan memberi manfaat kepada kira-kira 40,000 isi rumah di Sabah.

Pelbagai barangan keperluan asas ditawarkan pada harga istimewa, antaranya Kombo MADANI FAMA (RM15), sayur Fertigasi (RM1/kg), beras (RM25/10kg), ayam (RM20/2kg), ikan (RM8/kg) dan udang (RM25/kg). Selain itu, sebanyak 2,000 kombo MADANI, 10,000 kilogram hasil segar serta 3,000 kupon galakan bernilai RM15,000 turut disediakan, di samping cabutan bertuah bagi pembelian RM30 ke atas.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2023, Program Jualan Agro MADANI telah menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan di peringkat nasional. Pada tahun 2024 sahaja, program ini mencatat nilai jualan sebanyak RM129.5 juta dengan nilai penjimatan kepada pengguna mencecah RM38.8 juta serta penglibatan lebih 81,000 usahawan. Malah, pada tahun 2025, prestasi program terus meningkat dengan nilai jualan melebihi RM100 juta dan memberi manfaat kepada jutaan pengguna di seluruh negara.

Bagi tahun 2026, sehingga April, pelaksanaan program JAM telah merekodkan 71 program dengan nilai jualan RM1.28 juta serta penjimatan kepada pengguna sebanyak RM0.21 juta, sekali gus menunjukkan momentum positif dan potensi besar untuk terus berkembang sepanjang tahun ini.

Program Jualan Agro MADANI merupakan penjenamaan semula kepada konsep Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) yang dilancarkan pada tahun 2023. Ia dilaksanakan sebagai pendekatan “quick win” berkonsepkan kos rendah tetapi berimpak tinggi dalam menangani isu kos sara hidup rakyat.

FAMA menzahirkan harapan agar penganjuran Jualan Agro MADANI Mega ini dapat terus memperkukuh keterjaminan makanan negara, menstabilkan harga pasaran serta menjadi pemangkin kepada peningkatan pendapatan usahawan tempatan. Pada masa sama, program ini diharap dapat diperluaskan secara lebih agresif ke seluruh negara bagi memastikan lebih ramai rakyat menikmati akses kepada bekalan makanan berkualiti pada harga berpatutan.

#####

Disediakan oleh:

**Cawangan Korporat & Advokasi FAMA
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
9 MEI 2026**